

# PHARMANIAGA PSEUDOEPHEDRINE T SYRUP

Pseudoephedrine hydrochloride/Triprolidine hydrochloride (30mg/1.25mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup
2. Bagaimana Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup

Pseudoephedrine T Syrup merupakan ubat yang digunakan bagi melegakan simptom-simptom selsema dan alahan termasuklah bersin, hidung berair, mata berair, hidung dan sinus tersumbat. Sirap ini mengandungi *pseudoephedrine hydrochloride*, yang merupakan dekongestan yang melegakan sinus dan hidung tersumbat dan *triprolidine hydrochloride* merupakan antihistamina yang membantu menghentikan bersin, hidung berair dan mata berair.

## Bagaimana Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup berfungsi

*Triprolidine* berfungsi dengan mengurangkan paras bahan kimia semulajadi dalam badan yang dipanggil histamina, dimana bahan ini mencetuskan tindakbalas yang akan menghasilkan tanda-tanda alahan/alergik.

*Pseudoephedrine* berfungsi dengan mengecutkan saluran darah di kawasan sinus di hidung untuk

mengurangkan kebengkakan sinus dan memudahkan pernafasan.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup sekiranya anda:

- Alah/alergik/hipersensitif kepada *pseudoephedrine, triprolidine* atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini (seperti dalam senarai dibawah)
- mempunyai kelenjar tiroid yang terlebih aktif
- mengalami glaukoma (tekanan dalam mata meningkat)
- mengalami masalah kelenjar prostat (kesukaran membuang air kecil atau berasa kerap untuk membuang air kecil)
- mengalami tekanan darah yang amat tinggi atau penyakit jantung yang teruk
- sedang mengambil atau pernah mengambil dalam dua minggu yang lepas ubat untuk merawat kemurungan/depresi dikenali sebagai *Monoamine Oxidase Inhibitor* (MAOIs).
- sedang mengambil ubat dalam kumpulan simpatomimetik (perangsang atau perencat selera) dan ubat-ubatan digunakan untuk merawat masalah saluran pernafasan tersumbat dan asma.

### -Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda:

- mengalami tekanan darah tinggi atau penyakit jantung
- mengalami diabetes/kencing manis atau sekiranya anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mengalami intoleransi pada sesetengah gula.
- minum arak/alkohol.
- mengalami sawan.

**Penggunaan pada kanak-kanak**  
Penggunaan tidak disyorkan pada bayi yang baru lahir atau bayi prematang dan pada kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

**Penggunaan pada orang tua**  
Kekeliruan, pening, sedasi, tekanan darah rendah, keterujaan dan kesan sampingan antikolinergik, seperti kekeringan mulut dan kencing tidak lawas (terutamanya pada lelaki) mungkin lebih cenderung untuk berlaku pada orang tua yang mengambil antihistamina. Selain itu, orang tua juga lebih sensitif kepada kesan pengecutan salur darah dan kesan sistem saraf pusat.

**Mengandung dan menyusukan bayi**  
Jangan ambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan ambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup jika anda sedang menyusukan bayi. Pseudoephedrine T Tablet boleh dikumuhkan ke dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

# PHARMANIAGA PSEUDOEPHEDRINE T SYRUP

Pseudoephedrine hydrochloride/Triprolidine hydrochloride (30mg/1.25mg per 5ml)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat lain termasuklah:

- **Sedatif** (ubat yang digunakan bagi merawat masalah keresahan dan tekanan)
- Ubat darah tinggi atau *diuretik* (ubat untuk merawat masalah tekanan darah tinggi seperti *methyldopa*, *alpha* dan *beta blockers*)
- *Tricyclic antidepressants* (digunakan untuk merawat masalah gangguan mood)
- *Halogenated anaesthetic agents* (seperti *chloroform*, *cyclopropane*, *halothane*, *enflurane* atau *isoflurane*)
- Ubat dalam kumpulan *sympathomimetic* (perangsang atau perencat selera dan ubat-ubatan digunakan untuk merawat masalah hidung tersumbat dan asma).
- *Anticholinergics drugs* seperti *atropine*.
- *Monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) (digunakan bagi merawat masalah depresi/kemurungan).

## Cara menggunakan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup

Ikutilah segala arahan doktor atau ahli famasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza dari risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanya kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan oral sahaja.

Goncang botol dahulu sebelum minum ubat ini.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan seperti di bawah ini.

Jangan tuang sehingga tumpah dan melebihi paras sudu.

### **Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:**

10 mL tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan.

#### **Kanak-kanak:**

**6-12 tahun :** 5 mL diambil tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan

**4-6 tahun :** 3.75 mL diambil tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan

**2-4 tahun:** 2.5 mL diambil tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan

Tidak sesuai digunakan untuk kanak-kanak di bawah 2 tahun. Gunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun atas arahan doktor atau ahli farmasi.

### -Bila perlu diambil

Jarakkan sekurang-kurangnya 4 jam diantara setiap dos.

- Jangan mengambil lebih daripada 4 dos dalam masa 24 jam.
- Ubat ini hanya diambil setelah anda mencuba kaedah lain dan tidak berjaya.

### -Berapa lama perlu diambil

Jangan mengambil ubat ini melebihi 5 hari tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

Ubat ini biasanya diambil untuk jangkamasa yang singkat sahaja. Sekiranya simptom berlarutan, segeralah berjumput doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos berikutnya apabila diperlukan, dengan syarat dos yang diambil sebelum ini telah melebihi 4 jam.

Jangan menggandakan dos anda.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda sudah terlebih ambil ubat ini.

Tanda-tanda terlebih dos termasuklah:

- Kesan-kesan anti-kolinergik: tidak stabil dan kurang koordinasi; mulut, hidung, atau tekak yang terlampau kering; muka menjadi merah padam; kesukaran bernafas atau nafas menjadi pendek.
- Rangsangan sistem saraf pusat: halusinasi; sawan; kesukaran untuk tidur.
- Berasa mengantuk yang amat teruk.
- Tekanan darah tinggi: sakit kepala yang berterusan, kadar degupan jantung yang perlahan atau laju.

### **Semasa mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup**

#### -Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

Warga emas/orang tua mesti mendapatkan nasihat dari doktor semasa mengambil ubat ini kerana doktor akan memantau fungsi buah pinggang dan hati.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Tablet untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

# PHARMANIAGA PSEUDOEPHEDRINE T SYRUP

Pseudoephedrine hydrochloride/Triprolidine hydrochloride (30mg/1.25mg per 5ml)

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Sekiranya anda berasa mengantuk selepas mengambil ubat ini, elakkan daripada memandu atau mengendalikan jentera berat. Elakkan minuman alkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Tablet. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan kesan sampingan pada sesetengah orang. Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya. Bertanya kepada ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda ada sebarang pertanyaan.

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang tanda-tanda tindakbalas alergik/alahan berikut semasa sedang mengambil Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup: gatal-gatal; kesukaran bernafas; Bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak.

Berhenti mengambil ubat ini dan hubungi doktor anda segera sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan serius seperti berikut:

- kadar degupan jantung yang cepat atau tidak sekata;
- perubahan mood;
- terketar-ketar, sawan (konvulsi);

- mudah untuk berlaku pendarahan atau lebam, letih dan lesu yang luarbiasa;
- kurang buang air kecil atau tidak membuang air kecil langsung;
- berasa sukar bernafas atau pernafasan menjadi singkat; atau
- tekanan darah tinggi yang membahayakan (sakit kepala yang teruk, pandangan kabur, telinga berdengung, keresahan, sakit dada, degupan jantung yang tidak sekata, sawan).

Kesan-kesan sampingan *pseudoephedrine / triprolidine* yang kurang serius termasuklah:

- pening, mengantuk;
- mulut, hidung atau tekak kering;
- pandangan kabur; atau
- perasaan cemas atau resah gelisah.

Ini bukan senarai lengkap kesan-kesan sampingan ubat ini. Sekiranya anda mengalami kesan-kesan selain dari yang tersenarai dalam risalah ini, segeralah menghubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat berkenaan kesan-kesan sampingan yang anda alami.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)(*Consumers → Reporting*)

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup

### -Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan menyimpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat. Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepassi tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya. Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### -Rupa dan warna produk

Campuran jernih berwarna kuning berperisa oren.

### -Bahan-bahan kandungan:

#### -Bahan-bahan aktif:

Pseudoephedrine T Syrup mengandungi Pseudoephedrine HCl 30mg/5ml, Triprolidine HCl 1.25mg/5ml

#### -Bahan-bahan tidak aktif:

*Quinoline Yellow, Purified Water, Sugar, Methylparaben, Propylparaben, Orange Sweet dan Sodium Saccharin.*

### Nombor MAL:

Pharmaniaga Pseudoephedrine T Syrup: MAL20000212A

### Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

# PHARMANIAGA PSEUDOEPHEDRINE T SYRUP

Pseudoephedrine hydrochloride/Triprolidine hydrochloride (30mg/1.25mg per 5ml)

---

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan  
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
02/12/2015

**Nombor siri**  
BPK(R4/1)271015/00381